

**Wacana Warisan Kedah Darul Aman
11 – 12 Mac 2009**

**Raja Bersiong, Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan:
Antara Mitos dan Fakta**

Oleh
1

Datuk Dr. Siti Hawa Haji Salleh

1. Pengenalan

Ketiga-tiga nama yang disebut dalam judul makalah ini bukanlah nama-nama asing bagi orang Kedah biar pun bagi mereka yang tidak pernah berjinak-jinak dengan sejarah mahu pun kesusasteraan tradisional Kedah, sama ada genre tradisi lisan mahu pun tradisi tulisan yang termasuk juga pensejarahan tradisional atau sastera sejarah yang tercipta di Negeri Kedah. Ketiga-tiga nama ini saling berpaut dengan sejarah dan kesusasteraan tradisional Kedah hingga sukar dipastikan dengan sah dan muktamad bahawa nama-nama ini bersifat mitos atau fakta sejarah atau dicipta dengan tujuan atau objektif yang tertentu..

Pada peringkat awal ini saya terpaksa mengaku bahawa menyelesaikan masalah ini – secara sah dan muktamad - adalah suatu tugas yang amat sukar dan tidak mudah diselesaikan. Tetapi ssaya sendiri berasa amat tercabar untuk mencari jawapannya. Saya terima tugas ini dengan senang

beberapa nama watak-watak/ tokoh-tokoh wanita lain tetapi daripada sudut yang berbeza.²

Perkara pertama yang wajar ditangani ialah mengidentifikasi ke tiga-tiga Raja Bersiong, Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan : siapakah mereka; daripada manakah asal-usul mereka; adakah mereka tokoh dalam sejarah, kesusasteraan: tradisi lisan atau sastera hikayat atau lain-lain genre? Jika demikian terpaksa kita meneliti setiap satu tokoh ini menurut kemunculannya dalam sejarah dan kesusasteraan Kedah supaya dapat diasingkan masing-masing dalam kelompoknya sendiri. Ini dapat dilaksanakan dengan meneliti tradisi penciptaan kesusasteraan baik tradisi lisan mahu pun tradisi penulisan.

2. Tradisi Penciptaan Kesusasteraan Tradisional (Pujangga Istana, Pengarang dan Perawi)

Tradisi kepengarangan Melayu memperlihatkan wujudnya suatu aktiviti kepengarangan yang sihat dan bertanggungjawab di kalangan para pengarang. Pengaruh daripada tradisi lisan melahirkan para pengarang tidak bernama sementara pengaruh tradisi mengarang kitab dari tradisi Islam memperkenalkan masyarakat kepada beberapa orang pengarang yang namanya terkenal hingga ke hari ini.

Terdapat bukti bahawa wujud perhubungan yang erat di antara kerajaan-kerajaan awal zaman dahulu dan raja-raja sentiasa berhubungan antara satu dengan lain. Dengan demikian berlaku pertukaran hasil-hasil penciptaan kesusasteraan dan bertukar-tukaran bahan serta saling pengaruh mempengaruhi. Dalam zaman pemerintahan Sultan Muhammad di Melaka, raja memerintahkan supaya maklumat tentang perundangan dan penghakiman diperturunkan ke dalam bentuk tulisan supaya mudah dirujuk oleh pihak yang terlibat dalam bidang pentadbiran

² *Tangan-Tangan Menghayun Buaian, Citra Wanita Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional.* (Dalam percetakan oleh Penerbit UPSI, Tanjong Malim, Perak Darul Ridhwan). Tentunya Raja Bersiong digantikan dengan Permaisurinya (yang tidak bernama).

dan penghakiman/penghukuman. Sebelum ini, undang-undang tersebut tersimpan dalam ingatan para pembesar tertentu sahaja.

Bidang pensejarahan tradisional mempamerkan beberapa nama pengarang yang terlibat dalam mengarang karya pensejarahan sementara lebih banyak karya sejarah tradisional tidak menyebut nama pengarangnya. Tetapi kebanyakan pujangga istana Kedah yang berkaitan dengan ketiga-tiga nama ini tidak diketahui nama pengarangnya. Walau siapa pun pengarangnya atau penciptanya, karya-karya yang mereka hasilkan membuktikan bahawa mereka adalah *genius* dan pakar dalam memenuhi perintah yang dikemukakan oleh Raja mereka. Di sini saya pasti kedua-dua penciptaan *Hikayat Merong Mahawangsa* dan cerita rakyat yang menentang Puteri Lindongan Bulan menghasilkan kedua-dua karya atas perintah Raja mereka.

Berbagai-bagai keterangan dapat dikemukakan mengapa istana menjadi pusat aktiviti karang mengarang Melayu selepas ketibaan Islam. Islam melahirkan suatu golongan elita yang dahagakan ilmu pengetahuan dan golongan ini dinaungi oleh golongan bangsawan. Aktiviti penulisan memerlukan naungan kerana golongan bangsawan yang berpusat di istana mampu menyediakan kemudahan untuk aktiviti ini. Istana bukan sahaja melahirkan golongan pengarang atau pujangga yang pandai mengarang dan menulis tetapi juga menyediakan tempat dan waktu untuk para audiens untuk menikmati hasil yang dicipta.

Kehidupan di istana juga memberi ruang dan waktu untuk melahirkan pengarang wanita. Majlis membaca hikayat untuk puteri-puteri memberi mereka idea untuk menghasilkan ciptaan sendiri sama ada dalam bentuk penulisan sejarah, hikayat atau syair. Perlahan demi perlahan, tetapi dengan pasti dan seiring dengan perkembangan Islam, minat terhadap pembacaan dan penulisan sampai juga kepada kalangan rakyat biasa di luar istana. Bilangan pengarang dan hasil karya ikut bertambah, sama ada dengan menyebut nama pengarangnya atau tidak.

Seperti yang dinyatakan oleh Zoetmulder (1989), masyarakat membentuk suatu pandangan yang istimewa terhadap pujangga dan pengarang kerana mereka terus dianggap "sebagai seorang profesional, terlibat dalam suatu pekerjaan yang menuntut suatu bakat atau kesaktian yang tidak dimiliki oleh orang-orang biasa." (Zoetmulder 1989). Pandangan sedemikian meletakkan para pengarang pada suatu tahap magis yang tinggi dan sangat dihormati. Ini selari dengan kekaguman terhadap pujangga abad ke-7 di Palembang atau Seriwijaya kerana kedudukan mereka di biara dan penglibatan mereka secara langsung dalam upacara-upacara keagamaan Hindu-Buddha. Setelah Islam tiba, penghormatan terhadap penulisan dan perbincangan berdasarkan hasil penulisan meninggi kerana golongan pujangga dan pengarang mempunyai hubungan yang erat dengan istana. Secara automatik kedudukan pujangga meningkat kerana golongan istana merupakan golongan

yang berkuasa yang sentiasa dapat memberi naungan serta dorongan untuk berkarya.

3. Jalinan antara Mitos dan Fakta (Realiti) bagi Nama-nama yang Disebut

Hampir setiap negeri yang mempunyai Raja dan sistem pentadbiran beraja mempunyai mitos asal-usul negerinya. Walaupun penggemblengan unsur mitos, legenda dan realiti menjadi perkara yang pasti ditemui dalam cerita-cerita tradisi lisan dan juga pensejarahan tradisional, kewujudan kedua-dua unsur ini tetap mengganggu peneliti-peneliti dari barat. Dengan berdasarkan *Hikayat Merong Mahawangsa* sahaja, terdapat beberapa pendapat yang menggambarkan pandang rendah peneliti-peneliti ini terhadap karya pensejarahan Kedah ini.

Beberapa di antaranya ialah:

1.

In popular tales the Kedah dynasty begins with a tusked cannibal king, the son of an ogress; Balgden has shown that the legend is borrowed from India and is copied from the Buddhist Jataka tales; it is possible however, that the story was adopted to symbolise that the ancestry of the dynasty is not purely Malayan.

(R. O. Winstedt 1920)

2.

My friend, Colonel James Low, translated a Malay manuscript, entitled 'Annals of Queda', but his production is a dateless issue of rank fable, from which not a grain of reliable knowledge can be gathered.

(John Crawfurd, 1856)

3.

Though they abound with oriental exaggeration and the most tedious recapitulation, and though historical data are disappointingly scarce, these are not without some interests and value. It is satisfactory to have any written account at all of the Rajas on purely native authority.

(W. E. Maxwell 1878 : 193)

4.

... evidently merely a legendary adventurer (probably a memory) of the Maharaja, King of The Mountain), from whom the Kedah kings are supposed to have derived their origin.

(H.G.Q. Wales 1940 : 82)

5.

The work is full of omissions, gross anachronisms and errors.

(R. O. Winstedt 1961).

Akhirnya pada tahun 1958, Winstedt dengan suatu ayat sahaja menolak *HMM* sebagai sebuah karya penulisan sejarah orang tempatan tentang Negeri Kedah dengan mengumumkan:

6.

*Were it not for the colophon giving a list of Kedah rulers, the *Hikayat Merong Mahawangsa* would never have been styled the 'Kedah Annals' or accepted as serious history.*

(Winstedt 1958: 133).

Pandangan yang dikemukakan dengan segala kepastian dan keangkuhannya langsung tidak akan mempertimbangkan kemungkinan bahawa kolofon tersebut telah diperkemas atau dibawa kepada tarikh yang terakhir semasa manuskrip *HMM* kali terakhir disalin oleh (juga) penyalin terakhir yang sedar akan tanggungjawabnya sebagai penyalin naskhah.

Tampanan terakhir (yang dikemukakan di sini) dalam zaman yang sama disuarakan oleh seorang sarjana Belanda, Hooykaas.

7.

Selain itu bukanlah karangan dari abad kedelapan belas itu suatu sumber sejarah dalam ertinya yang biasa, tetapi hanya satu campuran cerita-cerita aneh.

(C. Hooykaas 1963 : 137)

Perlu disebutkan di sini bahawa kita wajar memberi penghargaan kepada Dr. Henk Maier untuk penelitiannya berdasarkan *HMM* dalam disertasi kedoktorannya berjudul *In The Centre of Authority, The Malay Hikayat Merong Mahwangsa* (1988). Beliau meneliti hikayat ii dengan memberi tumpuan kepada keadaan sosial dan perkembangan politik dan perdagangan yang mempengaruhi penciptaan hikayat tersebut. Pandangan dan penilaian yang dikemukakannya tentulah amat berlainan sekali jika dibandingkan dengan 7 pendapat yang disuarakan oleh Winstedt dan para sahabatnya.

Apa yang terserlah dalam pendapat-pendapat yang dikemukakan di atas ialah setiap peneliti barat ini mempunyai ketidakpuasannya sendiri terhadap *HMM* yang dikatakannya amat tidak memuaskan sama sekali. Tetapi kita dapat menyatakan bahawa bila dihadapi dengan fikiran yang terbuka, kita pasti sedar bahawa membaca *HMM* ini sama atau hampir samalah jika kita membaca cerita-cerita daripada barat seperti *Helen of Troy*, *Aenid* atau *The Trojan Wars* dan lain-lain.

Peneleiti-peneliti dari barat sedia menerima unsur-unsur 'karut' atau 'merepek', 'angan-angan kosong' dan sebagainya dalam cerita-cerita mitos dari barat. Perkara yang sama yang ditemuinya dalam cerita-cerita mitos Melayu, terus membuat darah mereka mendidih. Pada hal masing-masing mempunyai perkara-perkara tertentu yang mengganggu fikiran mereka dan menunjukkan bagaimana *HMM* tidak memenuhi citarasa mereka atau menyediakan sesuatu yang mereka cari-cari. Fikiran mereka

terganggu kerana harapan menemui sesuatu yang sangat mereka perlukan tidak terdapat dalam hikayat itu.

(Cerita sedikit tentang Winstedt dan Crawfurd. Francis Light?)

Dalam mitos barat terdapat berbagai-bagai unsur yang berasal daripada zaman Yunani dan lain-lain. Contoh salah satu riwayatnya ialah kisah keberanian Achilles yang tidak dapat dibunuh oleh musuhnya sehinggalah diketahui rahsia kekebalannya. Kononnya

Kisah dewa-dewa dan dewi-dewi yang menjelma menjadi raja dan permaisuri di dunia dan bila selesai tugasnya memerintah manusia, balik semula ke puncak gunung dan terus kembali ke keinderaan. Tetapi dalam *hikayat* mereka *keinderaan* disebut *paradise* = syurga.

Mitos Melayu jelas banyak mendapat bahan daripada kepercayaan Hindu dan Buddha. Apabila orang Melayu memeluk agama Islam, segala mitos itu dibiarkan saja dalam cerita tetapi diterangkan bahawa kita tidak boleh mempercayainya. Suatu mitos Red Indian menceritakan seorang kekasih – entah yang lelaki, entah yang perempuan – merajuk dan terus lari naik ke bulan. Kalau tak percaya, waktu malam bulan purnama, renunglah pada bulan yang sedang mengambang dan kita akan nampak seperti ada wajah seseorang dipermukaan bulan itu! Berhati-hatilah – jangan tenung bulan penuh lama-lama sebab boleh jadi gila! (pengalaman masa tinggal di Pendang).

Winstedt dan rakan-rakannya tahu bahawa mitos itu berasal dari India tetapi tetap bersetuju menyatakan bahawa cerita-cerita Melayu ini hanyalah merupakan “ ... *a farrago of folktales* ... ”

Tidak timbul di fikiran peneliti-peneliti barat ini bahawa pengarang dan pencerita – Awang Batil dan rakan-rakannya - tidak mula bercerita sesuai hati melainkan dengan tujuan dan objektif yang pasti. Ini dapat kita lihat daripada kisah-kisah yang dikaitkan dengan Raja Bersiong, Mahsuri dan Puteri Lindongan Bulan.
